



PANDUAN MENGISI BORANG SOAL SELIDIK BANCI PENDUDUK TAHUN 2025



Biro statistik Kementerian Hal Ehwal Dalam
Negeri dan Komunikasi Kerajaan Jepun

Risalah ini mengandungi penjelasan tentang tujuan serta panduan mengisi borang banci penduduk. Sila isi borang soal selidik Bahasa Jepun dengan merujuk kepada borang selidik terjemahan Bahasa Melayu serta panduan mengisi borang dalam halaman 2 hingga 8.

Sila lipat tiga dan masukkan borang soal selidik Bahasa Jepun yang telah lengkap diisi ke dalam sampul surat. Masukkan sampul surat tersebut tanpa setem ke dalam peti pos terdekat selewat-lewatnya pada hari Rabu, 8hb Oktober. Sekiranya borang tidak dapat dikembalikan sebelum tarikh yang ditetapkan, pegawai banci akan kembali kemudian hari untuk mengutipnya.

Isi jawapan hanya akan digunakan untuk membuat statistik dan tidak akan digunakan untuk tujuan lain seperti kawalan imigresen dan siasatan polis, dll.

Perihal Banci Penduduk

Banci ini akan dijalankan secara serentak di seluruh Jepun pada 1 Oktober 2025.

Bancian ini didasarkan pada Undang-undang Statistik Jepun dan merupakan survey statistik yang paling penting yang dijalankan oleh Kerajaan Jepun. Soal selidik ini ditujukan kepada semua orang yang tinggal di Jepun tanpa mengira kewarganegaraannya. Undang-undang Statistik Jepun ini menetapkan kewajipan pelaporan untuk mengisi dan mengemukakan soal selidik.

Semua orang yang terlibat dalam soal selidik ini termasuk para petugas mempunyai kewajipan untuk menjaga kerahsiaan. Maklumat yang anda isi adalah SULIT dan akan dimusnahkan selepas perhitungan dibuat.

Hasil dari soal selidik akan digunakan sebagai data bagi penggubalan dasar termasuk yang dapat menjamin kesejahteraan hidup penduduk berkewarganegaraan asing.

Soal selidik ini harus diisi secara berasingan bagi setiap isi rumah

- ◆ Satu isi rumah merujuk kepada kumpulan orang yang tinggal bersama dan berkongsi kos hidup seperti keluarga biasa.
- ◆ Satu orang yang tinggal bersendirian di satu kediaman dianggap sebagai satu isi rumah.

● Isi rumah orang-orang berikut ditakrifkan seperti berikut:-

- Penyewa bilik..... Penyewa bilik yang masih bujang harus dilaporkan secara individu, masing-masing sebagai satu isi rumah. Penyewa bilik yang tinggal bersama ahli keluarga, keluarga itu dilaporkan sebagai satu isi rumah.
(termasuk berkongsi bilik)
- Pekerja yang tinggal bersama Pekerja yang tinggal serumah dengan majikannya dianggap sebagai ahli isi rumah majikan tersebut. Jika tinggal di bangunan yang berbeza dengan majikan, dianggap sebagai isi rumah yang berbeza.

調査票の記入のしかたの対訳 (マレー語)

- Orang bujang yang tinggal di asrama kepunyaan syarikat, korporat, kerajaan dll..... dilaporkan sebagai satu isi rumah.

Panduan mengisi borang soal selidik

- Sila gunakan pensil hitam atau pensil mekanikal untuk mengisi borang ini.
- Hitamkan lingkaran bujur sebagaimana ditunjukkan. ○ → ●
- Jangan sampai tulisan nombor keluar dari kotak dan isi dari kanan.



Panduan mengisi halaman 1 borang soal selidik

Mengenai rumah tangga

1 Jenis isi rumah

Isi rumah "Lain-lain" termasuk mereka yang tidak memiliki rumah atau mereka yang tinggal bersendirian di rumah penginapan atau asrama pekerja binaan..

2 Bilangan ahli keluarga

Jika isi rumah anda mengandungi 5 atau lebih orang, tuliskan jumlah bilangan ahli isi rumah anda pada halaman 1 borang soal selidik.

3 Jenis kediaman

Rumah milik sendiri rumah yang dimiliki sendiri, termasuk yang belum berdaftar atau bayaran loannya belum selesai

Rumah sewa milik pertubuhan awam (UR)..... merujuk kepada kediaman yang dimiliki oleh lembaga kerajaan tempatan atau agensi awam, tetapi tidak merangkumi rumah disediakan syarikat, rumah pegawai kerajaan

Rumah disediakan syarikat, rumah pegawai kerajaan..... apabila tinggal di rumah yang dimiliki atau disewa oleh syarikat, atau kediaman khas untuk pegawai kerajaan.

Bilik sewa Jika menyewa sebahagian daripada rumah yang didiami oleh isi rumah yang lain. Tetapi jika ruang yang disewa memenuhi syarat ① dan ② di bawah ini, harus digolongkan sebagai rumah sewaan milik swasta

Asrama syarikat untuk pekerja bujang... Bangunan yang dimiliki atau disewa oleh syarikat, agensi dan institusi awam untuk kakitangan atau pekerja yang masih bujang. Tetapi jika tempat tinggal itu memenuhi syarat ① dan ② di bawah, harus digolongkan sebagai rumah disediakan syarikat, rumah pegawai kerajaan

- ① Tempat tinggal anda sama sekali terpisah dari tempat tinggal keluarga lain
- ② Memiliki pintu keluar masuk khas, singki (dapur) dan tandas sendiri. (Sekiranya bangunan yang didiami dikongsi dengan isi rumah lain, ruang hidup anda hendaklah dapat diakses sendiri tanpa perlu melalui ruang rumah yang didiami oleh isi rumah lain.

4 Cara membina rumah

Rumah banglo Sebuah bangunan yang merupakan satu kediaman. Walaupun rumah itu digunakan sebagai stor, ia dianggap sebagai "rumah banglo" jika keseluruhan bangunan adalah kediaman tunggal.

Rumah pangsapuri Bangunan dengan dua atau lebih kediaman dalam satu bangunan, seperti pangsapuri atau kondominium, yang berkongsi lorong atau tangga, atau dibina di atas satu sama lain. Ini juga termasuk bangunan dengan stor di tingkat satu dan kediaman di tingkat dua dan ke atas. Dalam kes ini, anda juga harus menulis "bilangan tingkat di seluruh bangunan" dan "lantai di mana kediaman itu terletak."

※ Walaupun bahagian luar rumah kelihatan seperti rumah banglo biasa, jika tingkat satu dan dua adalah kediaman yang berasingan dan terdapat tangga luar khas ke tingkat dua, ia dianggap sebagai "rumah pangsapuri."

※ Untuk rumah jenis maisonette (rumah pangsapuri di mana satu kediaman merentangi dua tingkat), lantai dengan pintu masuk hendaklah "lantai di mana kediaman itu terletak."

※ Untuk "rumah pangsapuri" dengan ruang bawah tanah, sila tulis bilangan tingkat di atas tanah untuk "bilangan tingkat di seluruh bangunan." Jika anda tinggal di bawah tanah, sila masukkan "1" dalam medan "lantai di mana kediaman itu terletak."

Rumah berderet Ini merujuk kepada dua atau lebih rumah yang dibina bersebelahan, berkongsi dinding yang sama, seperti rumah deret atau rumah teres, dan setiap rumah mempunyai pintu masuk tersendiri ke bahagian luar.

Lain-lain Ini merujuk kepada hartanah selain daripada di atas, seperti rumah yang terletak di dalam kilang atau pejabat.

Untuk setiap anggota keluarga

5 Nama dan jantina

- Jika bayi dilahirkan sebelum pukul 12 malam pada 1 Okt 2025 dan belum diberi nama, sila tulis "Belum Diberi Nama" di dalam dan tandakan jantinya.

Tanpa mengambil kira status kad alien, orang yang biasa tinggal bersama anda pada 1hb Oktober 2025 adalah mereka yang:

- ◆ Sudah 3 bulan atau lebih tinggal bersama anda.
- ◆ Belum 3 bulan, tetapi akan tinggal lebih dari 3 bulan bersama anda

- Walaupun bukan anggota keluarga, apabila ada orang yang tinggal lebih 3 bulan atau yang merancang tinggal bersama lebih dari 3 bulan, sila isikan juga mengenai orang tersebut.
- Orang-orang berikut akan dilaporkan di tempat seperti yang diterangkan di bawah:
 - Sila beri perhatian khusus kepada perkara-perkara berikut:
 - Ahli keluarga yang tidak tinggal bersama untuk sementara waktu kerana melancong, bekerja luar untuk bisnes atau bekerja di tempat lain.
 - Jika kurang dari 3 bulan, hendaklah dilaporkan di rumah sendiri
 - Jika sudah lebih dari 3 bulan, sila lakukan survey ini di daerah destinasi perjalanan atau tempat kerja mereka.
 - Pelajar yang tinggal di asrama sekolah atau bilik sewa
 - mereka harus dilaporkan di asrama atau bilik sewa tersebut
 - Pesakit yang menginap untuk rawatan di hospital atau sanatorium
 - jika belum lebih dari 3 bulan, mereka harus dilaporkan di rumah sendiri
 - jika sudah lebih dari 3 bulan, mereka harus dilaporkan di hospital atau sanatorium tersebut
 - Awak kapal ... Lakukan survey di rumah masing-masing
 - Mereka yang di penjara atau dalam tahanan dan hukumannya telah ditetapkan
 - Mereka yang berada di pusat pemulihan
 - mereka harus dilaporkan di institusi di mana mereka berada.
 - Orang yang tiada tempat tinggal selama lebih dari 3 bulan
 - mereka harus dilaporkan di tempat yang didiami mereka pada tarikh banci penduduk.
 - Orang yang mempunyai 2 tempat tinggal
 - mereka harus dilaporkan di tempat tinggal yang paling sering didiaminya.

6 Hubungan dengan ketua keluarga

Salah satu daripada ahli keluarga anda dipilih sebagai Ketua Keluarga atau Wakil Keluarga. Kemudian, tuliskan hubungan ahli keluarga yang lain dengan Ketua Keluarga tersebut.

Saudara lainnya ... termasuk moyang, pakcik, makcik, anak saudara, sepupu, anak saudara-mara (termasuk pasangan hidup masing-masing).

Lain-lain orang yang tinggal bersama anda selain daripada saudara sendiri. Misalnya anak kawan di bawah jagaan anda untuk sementara waktu (tidak termasuk pekerja yang tinggal serumah).

9 Kewarganegaraan

Jika mempunyai 2 atau lebih kewarganegaraan yang termasuk Jepun di dalamnya harus menjawab Jepun sebagai kewarganegaraannya.

Jika tidak termasuk Jepun di dalamnya, tuliskan salah satu nama negara tersebut pada kotak

(nama.negara).....

10 Lama tinggal di rumah sekarang

Setelah menetap di kediaman sekarang tetapi pernah tinggal di tempat lain lebih dari 3 bulan kerana bertukar kerja (tanpa ditemani oleh ahli keluarga lain), melancong, atau sebab lain, tempoh masa dihitung dari tarikh anda kembali ke kediaman sekarang hingga hari banci ini dilakukan.

11 Di mana anda tinggal 5 tahun yang lalu (1 Oktober 2020)?

Tuliskan di mana anda biasa tinggal 5 tahun yang lalu (1 Okt 2020).

➤ Untuk bayi baru lahir yang masih berada di hospital pada 1 Okt 2025, sila isikan tempat di mana bayi tersebut akan tinggal setelah keluar dari hospital

➤ Metropolitan Tokyo merujuk kepada 23 wad berikut:

(Chiyoda-ku, Chuo-ku, Minato-ku, Shinjuku-ku, Bunkyo-ku, Taito-ku, Sumida-ku, Koto-ku, Shinagawa-ku, Meguro-ku, Ota-ku, Setagaya-ku, Shibuya-ku, Nakano-ku, Suginami-ku, Toshima-ku, Kita-ku, Arakawa-ku, Itabashi-ku, Nerima-ku, Adachi-ku, Katsushika-ku, Edogawa-ku)

Panduan mengisi halaman 2

Untuk setiap anggota keluarga

12 Apakah anda bekerja pada minggu 24hb hingga 30hb September 2025?

Jika anda bekerja dan menerima pendapatan dalam tempoh minggu antara 24hb hingga 30hb September, ikut anak panah sebelah atas dan tandakan mana yang sesuai.

Jika tidak, ikut anak panah sebelah bawah dan tandakan mana yang sesuai.

Bagi mereka yang memiliki permit residen sebagai peserta kursus latihan kemahiran (profesional) dan masih dalam latihan, sila tanda "**Bersekolah**".

Bekerja dan melakukan kerja rumah juga... merujuk kepada mereka yang kebanyakan masanya digunakan untuk melakukan kerja rumah tetapi pada

調査票の記入のしかたの対訳 (マレー語)

masa yang sama mengambil upah membuat sedikit kerja seperti "part time" sambilan, membantu bisnes keluarga dan lain – lain

Cuti dari bekerja merujuk kepada pekerja yang mengambil cuti sakit atau cuti rehat pada tempoh tersebut tetapi tetap mendapat gaji; Mereka yang mengambil cuti jaga anak atau orang tua tetapi menerima gaji di bawah akta insurans kerja;

Bekerja sendiri atau yang menggaji orang yang mengambil cuti rehat atau cuti sakit tidak melebihi 30 hari.

Sedang mencari pekerjaan — ... merujuk kepada mereka yang tidak ada pekerjaan tetapi sedang giat mencari pekerjaan misalnya melalui iklan kerja di surat khabar, agensi pekerjaan seperti Hellowork , atau meminta bantuan orang lain untuk mendapatkan kerja. Tetapi terhad kepada mereka yang boleh bekerja sebaik sahaja ada kekosongan.

Bersekolah Tidak merangkumi mereka yang belajar di sekolah yang bersifat bukan tetap, seperti kursus perbualan Bahasa Jepun, atau kursus memasak yang hanya 1 atau 2 kali dalam seminggu.

➤ Anak-anak yang dihantar ke tadika, pusat asuhan atau pusat kanak-kanak diluluskan tergolong sebagai "Lain-lain"

Bagi yang bekerja atau bersekolah

13 Tempat kerja atau Lokasi sekolah

- Mereka yang bekerja sambil bersekolah, sila tanda tempat kerja anda.
 - Untuk Metropolitan Tokyo, sila rujuk No 11 di halaman 5 pada bahagian "Di mana anda tinggal 5 tahun yang lalu (1 Okt 2020)?"
- Tempat kerja golongan berikut ditakrif seperti berikut:
 - Mereka yang bekerja di ladang/hutan pertanian, atau perahu nelayan milik sendiri Rumah
 - Mereka yang bekerja sendiri seperti tukang kayu atau penjaja Rumah
 - Pekerja yang bekerja di luar rumah seperti juru jual, pemandu kereta Lokasi tempat kerja mereka
 - Anak Kapal Lokasi pelabuhan pangkalan kapalnya

Taraf Pekerjaan

14 Bergaji atau bekerja sendiri

Pekerjaanmerujuk kepada orang yang diupah bekerja di syarikat, organisasi, pejabat kerajaan, kedai dan lain-lain

Pekerja sementara ...Pekerja sementara merujuk kepada mereka yang diupah oleh agensi pekerjaan. Biarpun gelaran mereka mungkin berbeza mengikut tempat kerja, orang-orang ini adalah "pekerja sementara" agensi pekerjaan.

Direktor syarikat merujuk kepada presiden, pengarah, CEO, ketua audit syarikat atau pengarah dari organisasi kerajaan, korporat awam atau badan persendirian,

➤ Ketua Jabatan atau ketua seksyen dan pengurus dianggap

調査票の記入のしかたの対訳（マレー語）
sebagai “**Pekerja biasa**”

Bekerja sendiri Jika menggaji pekerja sila tanda “**Menggaji orang lain**”.

Jika tidak , sila tanda “**Tidak menggaji orang lain**”

- Untuk mereka yang punya kedai niaga, apabila kedai tersebut tergolong ke dalam Sdn. Bhd, maka termasuk sebagai “**Pengarah Syarikat**”

Bekerja untuk keluarga Merujuk kepada ahli isi rumah yang membantu pekerjaan di ladang atau perniagaan milik keluarga.

Kerja di rumah mendapat upah Merujuk kepada pekerjaan yang dilakukan di rumah oleh satu orang tanpa kemudahan alat/mesin yang besar atau bantuan orang lain. Bahan untuk kerja dibekalkan.

15 Nama tempat kerja

- Sila isikan tempat di mana anda bekerja (Cth: Ibu pejabat syarikat, pejabat cawangan, pejabat jualan, kilang, kedai dsbnya.)
 - Jika bekerja di kilang atau di pejabat cawangan, sila tulis nama kilang atau pejabat cawangan tersebut di samping nama syarikat.
 - Jika bekerja di dua tempat kerja atau lebih, sila tulis nama pejabat di mana anda menghabiskan masa paling banyak atau bekerja paling panjang di situ.
 - Bagi pekerja sementara, sila tulis nama pejabat di mana anda ditempatkan.

15 Jenis tugas

- Sila tulis jenis tugas utama tempat kerja anda.
- Sila tulis dengan terperinci produk utama dan servis yang dibekalkan agar bahagian pengeluaran, pembaikan, jual borong dan jual runcit dapat dibezakan.
 - Jika tempat kerja anda itu menjalankan 2 atau lebih jenis perniagaan/perusahaan, sila tulis perniagaan/perusahaan utama.
 - Jika tempat kerja membuat dan menjual langsung produk kepada pengguna, sila tulis “...**Pembuatan dan Peruncitan**”
 - Bagi pekerja sementara, nyatakan perniagaan/perusahaan tempat kerja di mana anda ditempatkan

16 Jenis Pekerjaan

- Sila nyatakan jenis pekerjaan utama yang pekerja itu sendiri lakukan di tempat kerja itu.
- Jika gelaran jawatannya jelas menyatakan jenis pekerjaan yang dilakukan seperti pereka, penganalisis kewangan dan dsb. memadai menulis nama jawatan sahaja.
- Jika melakukan dua atau lebih kerja yang berlainan, sila tulis satu sahaja pekerjaan yang mana anda menghabiskan masa yang paling panjang.
 - Jika melakukan pekerjaan yang memerlukan kemahiran profesional/teknikal (memasak, membuat barang, membaikpulih, dsb.) di samping tugas pengurusan dan jualan, nyatakan tugas yang memerlukan kemahiran profesional/teknikal itu.

調査票の記入のしかたの対訳（マレー語）

Contoh : Mengurus pejabat guaman dan juga sebagai peguam peguam

Mengurus restoran dan juga sebagai tukang masak tukang masak

- Bagi pekerja sementara, sila nyatakan jenis/kandungan pekerjaan yang anda lakukan di tempat kerja di mana anda ditempatkan.

Contoh dari no. 15 dan 16

[contoh 1] Industri pembuatan

15	Nama tempat kerja	Aozora Automobil Sdn. Bhd. Kilang No1
	Jenis Perniagaan	Membuat batang gear
16	Jenis Pekerjaan	Memasang batang gear.

[contoh 2] Industri Perkhidmatan

15	Nama tempat kerja	Total Care Center Sdn. Bhd.
	Jenis Perniagaan	Pergi ke rumah orang tua, memandikan dan memberi makanan kepada orang tua.
16	Jenis pekerjaan	Home helper

[contoh 3] Industri Borong atau runcit

15	Nama tempat kerja	Liquor Trading Sdn. Bhd.
	Jenis Perniagaan	Borong minuman beralkohol
16	Jenis Pekerjaan	Stok, beli barang